

# Kerajaan tidak iktiraf Pamatong peguam Misuari — Mahathir

UM 6 JAN 2002

PUTRAJAYA 5 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan tidak mengiktiraf kedudukan Elly Pamatong sebagai peguam yang mewakili pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari.

“Kita tidak pernah mengiktiraf dia (Elly Pamatong) sebagai peguam,” kata Perdana Menteri ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Aidiltitri anjuran Wisma Putra di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan para perwakilan asing.

Dr. Mahathir menepis rayuan Pamatong supaya Misuari dan pengikutnya dibebaskan kerana menganggap penahanan mereka tidak sah.

Misuari ditahan bersama-sama enam orang pengikutnya di Pulau Jampiras, Sandakan kerana memasuki perairan negara ini secara haram November lepas.

Semalam peguam itu menghantar surat rayuan kepada Dr. Mahathir berhubung perkara itu.

Pamatong sebelum ini mahu kerajaan membenarkan Misuari dan pengikutnya memohon visa pelawat daripada kedutaan asing di sini, untuk ke negara ketiga.

Beliau turut memfailkan petisyen kepada Suruhanjaya Tinggi bagi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) di Amerika Syarikat bagi membolehkan Misuari mendapatkan suaka politik.

Dalam pada itu, Syed Hamid ketika ditemui mengulangi pendirian kerajaan untuk tidak melayan permohonan Pamatong.

Malaysia tegasnya, tetap akan menghantar Misuari pulang seperti yang diminta oleh kerajaan Filipina.

“Cara macam mana dia dihantar itu kita tidak perlu bincang, yang penting dia (Misuari) dihantar balik,” ujarnya.

Menurut Syed Hamid, persiapan untuk menghantar pulang Misuari akan dimulakan secepat mungkin kerana tarikh yang diminta oleh Filipina sebelum 15 Januari ini kian hampir.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Pamatong kerana terus mengeluarkan kenyataan, beliau berkata, ia tidak berbangkit melainkan beliau melanggar undang-undang.

Syed Hamid turut meminta media supaya tidak berterusan menyiarkan kenyataan Pamatong kerana ia akan menyebabkan isu tersebut berpanjangan.

Terdahulu beliau menyampaikan cek sumbangan kakitangan dan pegawai Wisma Putra bernilai RM35,000 kepada Perdana Menteri untuk diserahkan kepada Tabung Ehsan Afghanistan.

“Ia membuktikan keprihatinan dan keinsafan mereka kepada nasib pelarian Afghanistan,” katanya.